

PM: Kebersihan maruah bangsa

BH 4 MAY 1983

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kebersihan adalah maruah bangsa dan negara kerana itu setiap rakyat, tidak kira di bandar atau di desa, mesti memberi perhatian mendalam mengenai perkara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pembentukan negara adalah kesan daripada maruah dan kerana kebersihan suatu maruah, adalah menjadi tugas setiap rakyat menjaga kebersihan.

Katanya, undang-undang mencegah kekotoran yang ketat tidak bermakna jika rakyat tidak mempunyai sikap dan tanggungjawab terhadap kebersihan.

Menurut Perdana Menteri, proses pelajaran yang mendidik anak-anak supaya menghargai kebersihan dan keindahan penting dalam mencapai matlamat itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap, arkitek dalam merancang sesebuah bandar besar atau kecil tidak sepatutnya menekankan kepada senibina dan keindahan semata-mata, tetapi dalam masa yang sama merancang bagaimana kebersihan dapat dijaga.

Penjagaan dan kebersihan alam sekeliling hanya dapat dihayati jika rakyat bersikap positif dan menjadikannya satu tugas dan tanggungjawab, tegasnya.

"Kita ingin melihat seluruh negara bersih dan tidak hanya bandar-bandar besar sahaja yang bersih dan indah," kata be-

liau.

Faktor kebersihan ini perlu ditekankan dalam perancangan kerana suasana kehidupan yang bersih bukan sahaja memberi faedah di segi kesihatan tetapi juga memberi sumbangan besar dalam pembentukan negara.

"Saya yakin, alam semulajadi yang nyaman dan keadaan negara yang bersih akan menjadikan rakyat dan negara dihormati. Bagaimanapun, terpulanglah kepada kita semua, sama ada mahu di hina atau dihormati," tegasnya ketika berucap di Majlis Ramah Mesra dan Makan Malam Perdana di sebuah hotel terkemuka di sini.

Majlis itu dianjurkan oleh Persatuan senibina Universiti Teknologi Malaysia (PSUTM) dan Pertubuhan Arkitek Malay-

sia (PAM).

Beliau menyeru arkitek supaya mementingkan identiti serta kesenian yang tinggi bagi menjadikan bangsa Malaysia dihormati di seluruh dunia.

Selain itu, mereka juga patut menjadikan bandar-bandar di negara ini mempunyai identiti tersendiri dan tidak bersifat 'salinan' daripada bandar-bandar di Eropah atau Amerika Syarikat.

Perdana Menteri mahu senibina bangunan di negara ini melambangkan identiti Malaysia yang mempunyai banyak ciri-ciri tradisional yang unik.

"Bahan-bahan binaan moden untuk menggantikan kayu atau rotan untuk menyesuaikan dengan keperluan binaan masa kini patut digunakan untuk mencapai hasrat itu," kata beliau.